

04 JUN 1999

Kongres

MALAYSIA TUAN RUMAH KONGRES TENAGA

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Malaysia akan menjadi tuan rumah "Kongres Tenaga yang boleh diperbaharui 1999" selama empat hari mulai Selasa ini, demikian menurut kenyataan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia di sini hari ini.

Kongres anjuran kementerian dengan kerjasama agensi awam dan swasta dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini adalah kali pertama kongres itu diadakan di Asia dan di luar negara-negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), kata kenyataan tersebut.

Malaysia menganjurkan kongres itu sebagai aktiviti Program Solar Dunia 1996-2005 di bawah inisiatif Suruhanjaya Solar Dunia yang turut dianggotai Dr Mahathir.

Kongres itu dengan tema "Penyelidikan, Pembangunan dan Komersialisasi Tenaga yang diperbaharui" adalah untuk menggalakan pembangunan, penggunaan dan aplikasi secara cekap serta ekonomi sumber tenaga yang boleh diperbaharui di dunia.

Seramai kira-kira 335 peserta termasuk 10 wakil asing akan mengambil bahagian dalam kongres itu. Sejumlah 260 kertas kerja - 148 daripada luar negeri dan 112 dari Malaysia - akan dibentangkan pada kongres tersebut, kata kenyataan itu.

Yuran pendaftaran bagi peserta ialah RM1,000 manakala penuntut lepasan ijazah boleh memohon pembiayaan daripada Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik.

Sempena kongres itu beberapa program diatur bagi memperkenalkan dan mempromosikan pembangunan dan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui, katanya.

-- BERNAMA

ARA LAT